

Sheik pesilat S'pura pertama latih di Eropah

Berita Harian, 26 February 1996, Page 10

Article also available on Microfilm Reel NL20573

Printer-Friendly Page

Sheik pesilat S'pura pertama latih di Eropah

Ke Jerman bagi persiapan Kejohanan Dunia SILAT

JUARA Silat Dunia, Sheik Alauddin Yaacob, mencatat sejarah sebagai ahli silat se-tempat yang pertama berlatih di Eropah.

Sheik dijadualkan berangkat ke Berlin, Jerman untuk menjalani latihan intensif sebulan di sana mulai 1 Mac ini.

Menurut pemenang pingat emas tunggal acara silat di Sukan SEA Chiangmai, Thailand, tahun lalu itu, beliau telah pun berurus dengan rakannya, Andre Mewis, bekas juara silat dunia 1992 dari Jerman yang telah mengatur program latihan di Eropah itu.

Bagaimanapun, Sheik, 29 tahun, ayah kepada dua orang anak, perlu menanti ketibaan anak ketiganya sebelum mencegar impianinya untuk berlatih di Eropah itu.

"Saya sedang menanti kelahiran anak ketiga saya tidak lama lagi," kata Sheik.

Mengulas mengenai keberangkataninya ke Eropah, Sheik berkata:

"Tujuan utama saya berlatih di sana adalah sebagai persiapan bagi mempertahankan pingat emas Kejohanan Dunia yang saya menangi di Haadyai, Thailand, dalam Dis-

ember 1994.

"Jadual Kejohanan Silat Dunia tahun ini belum diputuskan, tempatnya juga belum diumumkan.

"Bagaimanapun saya perlu mempersiap diri sekarang untuk mempertahankan mahkota kejuaraan saya."

Sheik selanjutnya menerangkan, latihan di Jerman lebih tertumpu pada latihan teknik seni pertahanan diri dan latihan peningkatan tahap ketahanan yang berbeza dengan apa yang dilakukan di tanah air.

"Silat olahraga kini lebih merupakan silat antarabangsa, kerana itu saya dapat tahap latihan para pesilat luar negeri terutama di Eropah, cukup tinggi," lanjutnya.

“Jadual Kejohanan Silat Dunia tahun ini belum diputuskan, tempatnya juga belum diumumkan.

Bagaimanapun saya perlu mempersiap diri sekarang untuk mempertahankan mahkota kejuaraan saya.”


— Sheik Alauddin, pemenang pingat emas Kejohanan Dunia 1994.

Mengular program latihan-nya di Jerman, Sheik menyatakan beliau diminta agar tiba pada awal Mac.

"Ini disebabkan Andre akan menjalani latihan perkhidmatan negara mulai April dan dalam bulan itu juga jurulatih yang akan membantu saya tidak akan berada di Berlin kerana pelbagai program yang tersendiri," jelas beliau.

Bertugas sebagai instruktur latihan fizikal dengan Kelab Lembaga Perumahan dan Pembangunan (HDB), Sheik mengucapkan terima kasih kepada Majlis Sultan Singapura (SSC) kerana membiasai latihannya itu dan Perselukutan Silat Singapura (Persis) yang menyokong beliau mendapatkan geran latihan itu.

Bertugas sebagai instruktur latihan fizikal dengan Kelab



SHEIK ALAUDDIN: Akan latih sebulan di Jerman mulai 1 Mac. — Gambar fail.
— Gambar fail.